



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

ANGGARAN KELUARAN DALAM NEGERI KASAR AWALAN SUKU TAHUN KEDUA 2025

KDNK Malaysia dijangka berkembang 4.5 peratus, disokong permintaan domestik yang kukuh di sebalik tekanan global

PUTRAJAYA, 18 JULAI 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) awalan¹ bagi suku tahun kedua 2025. Anggaran awalan menunjukkan ekonomi Malaysia bertumbuh 4.5 peratus pada suku tahun kedua 2025, meningkat sedikit berbanding 4.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Momentum pertumbuhan terus kekal pada bulan April dan Mei, dengan jangkaan prestasi lebih kukuh dicatatkan pada bulan Jun. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sederhana 4.4 peratus pada separuh tahun pertama 2025.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Ekonomi Malaysia terus berkembang pada suku tahun kedua 2025, didorong oleh permintaan pengguna yang kukuh walaupun berdepan dengan cabaran global yang berterusan. Penggunaan domestik kekal sebagai pemacu utama, disokong oleh kesan pelarasan gaji sektor awam, cuti sekolah dan perbelanjaan bermusim semasa Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Pasaran buruh yang stabil dengan kadar pengangguran dan inflasi yang rendah turut mengukuhkan perbelanjaan isi rumah. Selain itu, pelaksanaan berterusan program bantuan tunai seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) turut menyumbang kepada pengekalan perbelanjaan isi rumah sepanjang suku tahun ini. Sektor Pembuatan menunjukkan prestasi yang pelbagai dengan pertumbuhan 5.6 peratus pada bulan April sebelum menyederhana 2.8 peratus pada bulan Mei. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh aktiviti berterusan dalam subsektor Elektrik dan elektronik (E&E) serta permintaan kukuh daripada industri berorientasikan domestik, seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP). Begitu juga, jualan perdagangan edaran yang mencerminkan aktiviti pengguna dan perniagaan meningkat 4.4 peratus pada bulan

¹ Pengiraan anggaran KDNK awalan suku tahun kedua 2025 adalah berdasarkan kepada gabungan sumber data yang tersedia. Secara umumnya, terdapat perbezaan antara anggaran KDNK awalan dan KDNK preliminari disebabkan oleh ketersediaan data dari pelbagai sumber semasa tempoh penyusunan.

Mei, mereda daripada 4.7 peratus pada bulan April, terutamanya didorong oleh prestasi yang stabil dalam perdagangan borong dan runcit. Walau bagaimanapun, sektor luaran menunjukkan prestasi yang bercampur dengan aktiviti perdagangan berkembang lebih perlahan pada bulan Mei disebabkan permintaan yang lemah bagi eksport barangan. Secara keseluruhan, walaupun perbelanjaan domestik kekal menjadi tunjang utama ekonomi, sektor luaran berdepan cabaran, dipengaruhi oleh perkembangan berkaitan tarif serta ketidaktentuan politik global yang berterusan.”

Melihat kepada prestasi mengikut sektor, **Perkhidmatan** kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi pada suku tahun kedua 2025, mencatatkan peningkatan 5.3 peratus (ST1 2025: 5.0%), disumbang terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan. Sektor **Pembuatan** pula mencatatkan pertumbuhan 3.8 peratus (ST1 2025: 4.1%), disokong oleh pengeluaran Produk elektrik, elektronik & optikal serta Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan.

Beliau menambah, “Sektor **Pembinaan** merekodkan pertumbuhan dua digit bagi enam suku tahun berturut-turut dengan pertumbuhan 11.0 peratus (ST1 2025: 14.2%), disokong terutamanya oleh Bangunan bukan kediaman dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas. Sektor **Pertanian** mencatatkan peningkatan 2.0 peratus (ST1 2025: 0.6%), didorong oleh subsektor Kelapa sawit. Sementara itu, Sektor **Perlombongan dan pengkuarian** terus menyusut kepada negatif 7.4 peratus (ST1 2025: -2.7%), dipengaruhi oleh pengeluaran yang lebih rendah dalam kesemua subsektornya.

Susulan daripada anggaran awalan ini, KDNK preliminari yang menyediakan analisis terperinci dan komprehensif mengenai prestasi ekonomi bagi suku tahun kedua 2025 akan diterbitkan pada 15 Ogos 2025.

Jadual 1: Pertumbuhan KDNK mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, (% YoY)

Jenis aktiviti ekonomi	Peratus sumbangan kepada KDNK tahun 2024* (%)	Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya							
		2023	2024	2024				2025	
				ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2**
KDNK	100.0	3.5	5.1	4.2	5.9	5.4	4.9	4.4	4.5
Pertanian	6.3	0.2	3.1	1.9	7.6	3.6	-0.7	0.6	2.0
Perlombongan & pengkuarian	6.0	0.5	0.9	4.3	2.7	-2.8	-0.7	-2.7	-7.4
Pembuatan	23.1	0.7	4.2	2.1	4.7	5.6	4.2	4.1	3.8
Pembinaan	4.0	6.0	17.5	11.9	17.2	20.0	20.7	14.2	11.0
Perkhidmatan	59.4	5.1	5.3	4.8	5.9	5.2	5.5	5.0	5.3

Nota: * Tidak termasuk Duti import

** Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Perbandingan Anggaran KDNK Awalan dan KDNK Preliminari, (% YoY)


Aktiviti Ekonomi	2024								2025		
	ST1		ST2		ST3		ST4		ST1		ST2
	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE	Preliminari	AE
KDNK	3.9	4.2	5.8	5.9	5.3	5.4	4.8	5.0	4.4	4.4	4.5
Pertanian	1.3	1.7	7.1	7.3	4.0	4.0	-0.6	-0.5	0.7	0.6	2.0
Perlombongan & pengkuarian	4.9	5.7	3.3	2.7	-3.4	-3.9	-1.4	-0.9	-4.9	-2.7	-7.4
Pembuatan	1.9	1.9	4.7	4.7	5.7	5.6	4.3	4.4	4.2	4.1	3.8
Pembinaan	9.8	11.9	17.2	17.3	19.5	19.9	19.6	20.7	14.5	14.2	11.0
Perkhidmatan	4.4	4.8	5.6	5.9	5.1	5.2	5.3	5.5	5.2	5.0	5.3

Nota: AE = Anggaran awalan

KDNK preliminari bagi ST2 2025 akan diterbitkan pada 15 Ogos 2025

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)



Nota: AE = Anggaran awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
18 JULAI 2025